



SOROTAN TERHADAP PENDEKATAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS (PBK) PENDENGARAN POLITEKNIK

Solehah Samsudin¹, Nur Afifah Saharudin², Hazwani Ubaidillah³, dan Ariyanti Adnan⁴

^{1,2,3,4} Politeknik Ungku Omar,
Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh,
Perak, Malaysia

¹solehah@puo.edu.my

²nurafifah@polycc.edu.my

³hazwani@puo.edu.my

⁴ariyanti@puo.edu.my

Abstrak: Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik Malaysia menunjukkan bahawa ketidakupayaan Pelajar Berkeperluan Khas (PBK) pendengaran memerlukan kaedah, teknik dan pendekatan pembelajaran yang sesuai daripada pelajar normal. Oleh itu, artikel ini bertujuan memahami pendekatan pembelajaran dalam PBK (Pendengaran) dalam memahami istilah Pendidikan Islam dan kehidupan beragama. Selain itu, pendekatan pembelajaran ini juga adalah untuk meneliti kaedah pengajaran yang bertepatan terhadap pelaksanaan Pendidikan Islam PBK. Kajian kepustakaan yang bersumberkan artikel menunjukkan terdapat tiga pendekatan yang boleh diaplikasikan kepada PBK (pendengaran) iaitu melalui kompetensi kemahiran komunikasi bahasa isyarat guru terutamanya istilah agama, bahan bantu pembelajaran yang dibangunkan khas untuk PBK dan boleh diadaptasikan dalam talian atau bersemuka serta amali yang mengukuhkan kefahaman topik pembelajaran secara konsisten. Oleh itu, implikasi daripada pendekatan ini ialah penerangan perlu diberikan kursus kompetensi berbahasa isyarat untuk mengukuhkan istilah dalam Pendidikan Islam. Malah, pembangunan bahan bantu serta latihan amali menggunakan elemen 3V iaitu video, visual dan *virtual simulation* turut dicadangkan untuk meningkatkan kefahaman pelajar secara menyeluruh.

Kata kunci: Pelajar berkeperluan khas, OKU pendengaran, pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, pembelajaran dalam talian, fardhu ain.

1. Pengenalan

Kurikulum pendidikan kebangsaan menunjukkan bahawa ia digubal mengikut kesesuaian situasi samada pelajar yang normal mahupun berkeperluan khas. Namun, perbezaan kurikulum sangat penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran bagi pelajar OKU terutamanya pendengaran. Hashim et al., (2019) menjelaskan bahawa penggunaan istilah melalui bahasa lisan turut menjadi isu dengan situasi pelajar dalam pelaksanaan kurikulum yang sukar difahami jika berlakunya salah faham dalam pertuturan terutamanya istilah agama. Malah, Kurikulum Pendidikan Islam haruslah didedahkan dengan istilah yang menjadi kebiasaan



kepada golongan OKU ini berdasarkan situasi pelajar dengan menerapkan kaedah yang asas bermula dari bawah sehingga kepada tahap penguasaan yang baik bagi situasi mereka (Ab Rahman et al., 2021). Hal ini disokong oleh Omar et al., (2021) yang menyatakan bahawa golongan ini tidak boleh ketinggalan dalam proses mendapatkan ilmu agama dan dakwah.

Pencapaian golongan Pelajar Berkeperluan Khas (pendengaran) di politeknik amat memberangsangkan seperti yang pernah dilaporkan di akhbar Utusan Malaysia yang bertarikh 8 Disember 2021. Ketidakupayaan mereka menunjukkan bahawa mereka boleh mengatasi cabaran dalam menuntut ilmu samada fardu ain dan fardhu kifayah. PBK pendengaran ini merupakan kelompok yang tidak dapat berkomunikasi dengan baik yang mempunyai masalah pertuturan dan perlu memahami komunikasi dengan isyarat. Namun demikian, keperluan kepada dasar - dasar kerajaan yang menjamin kesaksamaan peluang dalam kalangan PBK ini bahawa pendidikan sepanjang hayat mampu mengatasi isu keciciran dan pembangunan rohani mereka. Malah, Omar et al., (2021) turut menyatakan cabaran dalam pengendalian aktiviti fardu ain PBK pendengaran ini perlu diperhatikan sewajarnya agar mereka mendapat hak untuk memahami agama dengan sebaiknya.

Sehubungan dengan itu, kajian lepas yang menggunakan kesepakatan lima pakar oleh Khamaruddin et al., (2020) telah memastikan proses pembelajaran solat bagi PBK dalam memahami ibadah dengan membuat penilaian terhadap bahasa isyarat baharu. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat isu dan cabaran dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran ialah memberikan kefahaman jati diri, konsep ibadah terhadap kehidupan PBK berdasarkan ajaran Islam kerana mereka merupakan mukallaf yang dikategorikan melaksanakan amalan agama bergantung kepada keupayaan yang ada (Ab Rahman et al., 2021; Dzulkifli & Suhid, 2018; Hashim et al., 2019; Hj Nor & Rashed, 2018; Omar et al., 2021). Malah, konsep yang perlu diketengahkan dalam kajian ini adalah bagaimana pendekatan pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam yang boleh diadaptasi oleh golongan PBK (pendengaran) khususnya melalui kurikulum Pendidikan Islam di politeknik. Malah, kajian ini bertujuan untuk memahami kepelbagaian pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan istilah agama dari aspek akidah, syariah dan juga akhlak.

Golongan PBK dipoliteknik mendapatkan pembelajaran secara bersemuka dengan tenaga pengajar dalam bidang Pendidikan Islam. Namun, terdapat kekangan yang menunjukkan cabaran pensyarah yang kurang kompeten dalam berkomunikasi malah tahap kreativiti pengajaran serta latihan amali melalui pengurusan kuliah (Ab Rahman et al., 2021). Hal ini turut menjadikan peningkatan masalah sosial dalam kalangan PBK membimbangkan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hj Nor & Rashed, (2018) bahawa kesukaran PBK berkomunikasi menghilangkan minat mereka untuk menilai sesuatu perbuatan itu betul atau tidak kerana ketiadaan ilmu terutamanya agama kerana tanpa pemahaman pembelajaran agama yang betul akan menyebabkan mereka tersasar.

Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah untuk:

- Memahami pendekatan pembelajaran dalam PBK (Pendengaran) dalam memahami istilah Pendidikan Islam dan kehidupan beragama



Oleh hal yang demikian, sorotan kajian ini turut meneliti tentang pendekatan pembelajaran yang boleh diubahsuai mengikut keperluan yang lebih menumpukan kepada, kaedah komunikasi, kaedah visual atau sentuhan serta latihan amali yang efektif. Malah, pendekatan yang dilaksanakan terhadap golongan kurang upaya pendengaran ini akan di pelbagai dengan penggunaan bahan bantu yang bertepatan. Disamping itu, usaha yang berterusan seperti menyediakan aktiviti pembelajaran, kuiz pengukuhan, pembelajaran berasaskan permainan atau praktikal turut membantu untuk memberi kefahaman yang baik berkaitan dengan istilah serta hukum dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

2. Pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam terhadap Pelajar Berkeperluan Khas (pendengaran)

Pendidikan Islam ialah kurikulum yang menitikberatkan pendidikan secara holistik sepertimana selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Malah, guru-guru Pendidikan Islam berusaha sebaiknya menjadikan pelajar faham dalam kehidupan beragama. Sehubungan dengan itu, Pelajar Berkeperluan Khas (PBK) turut tidak terkecuali menjadi seseorang yang seharusnya dibentuk memahami ajaran agama dan menjadi orang yang mentaati Allah SWT (Dayang Kamaliah & Norshidah, 2020; Mahd Nor, 2021) Antara tanggungjawab pendidik PBK ini ialah memikul tugas dan amanah yang berat agar mereka dapat mendedahkan pelajar untuk memahami didedahkan tentang al-Quran serta melaksanakan ibadat dalam kehidupan seharian dengan apa yang mereka fahami. Dzulkifli, (2021) telah menyenaraikan bahawa guru Pendidikan Islam khususnya yang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas sentiasa menghadapi cabaran dalam menguasai kandungan pembelajaran serta pedagogi dalam menyampaikan kurikulum disebabkan daya fokus dan tumpuan yang rendah malah daya ingatan yang mudah lupa. Adakalanya mereka menunjukkan sifat agresif apabila tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru kerana mereka tidak mampu bertutur dan membaca bahan pembelajaran dengan baik.

Sehubungan dengan itu, hala tuju Pendidikan Islam bagi PBK ialah menyediakan asas fardhu ain dan berpeluang menjalani dan memahami kehidupan beragama. Malah potensi mereka dalam bidang Pendidikan Islam ini turut berkembang dengan merekabentuk kurikulum yang sesuai dan mereka mampu menguasainya sebagai asas kehidupan muslim. Hashim et al., (2019) turut menyedari bahawa golongan pekak atau ketidakupayaan pendengaran tiada halangan untuk mereka belajar ilmu yang berkaitan dengan al-Quran, ibadah, akidah dan akhlak. Malah disokong oleh Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, (2018) yang telah mengetengahkan Modul J-QAF (Model Amali Solat) yang diubahsuai berdasarkan keperluan PBK untuk dilaksanakan di sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) namun memerlukan penambahbaikan amalan pengajaran dan pendekatan pembelajaran yang lebih berkesan. Selain itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi cabaran pengendalian Pdp PBK ialah sikap dan intelek, prasarana, tiada kesedaran beragama, kekurangan tenaga pengajar yang kompeten serta bahan pembelajaran yang mampu memahami asas Fardhu Ain (Omar et al., 2021).

Asas Fardhu Ain bagi PBK tetap selari dengan kurikulum Pendidikan Islam arus perdana. Namun, mengelakkan keciciran bagi asas Fardhu Ain golongan ini perlulah kepada aktiviti yang lebih dirancang secara visual yang tersusun. Walaupun PBK pendengaran ini tidak mampu bertutur dengan sebaiknya terutamanya dalam melafazkan bacaan dalam solat maka,



gerak geri solat boleh diperhatikan untuk diikuti secara visual (Omar et al., 2021). Oleh hal yang demikian, Dzulkifli et al., (2020) menjelaskan bahawa bidang yang mencabar untuk dipelajari oleh PBK ialah tilawah al-Quran dan akidah. Hal ini kerana, bidang ini memerlukan menyebut dan membaca al-Quran. Tanpa bantuan alat pendengaran pelajar tidak dapat mendengar dan menyebut semula apa yang didengari serta memerlukan usaha dalam membaca gerakan bibir. Manakala asas akidah pula memerlukan kepada penjelasan seperti dosa, pahala, syirik yang membawa kepada kosa kata yang terhad. Oleh itu, asas Fardu Ain yang diajarkan kepada PBK pendengaran haruslah dirancang dan ditingkatkan kefahaman untuk memahami istilah dalam kehidupan beragama (Hj Nor & Rashed, 2018).

Golongan PBK di Politeknik perlu mengambil kursus pendidikan Islam sebagai kursus umum atau teras. Hal ini bertepatan dengan matlamat kurikulum pendidikan Khas iaitu bagi menyediakan ilmu dan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia 2022). Malah, kurikulum PBK yang dibentuk mencakupi komponen bidang pengurusan diri, bidang akademik berfungsi, bidang sosial, riadah dan kreativiti dan juga bidang kerohanian dan nilai-nilai murni. Maka, kursus Pendidikan Islam di politeknik adalah suatu keperluan bagi tujuan melengkapkan kurikulum PBK yang dilihat secara holistik. Sebanyak dua kursus pendidikan Islam di tawarkan kepada pelajar Sijil Kemahiran Politeknik iaitu Pendidikan Islam 1 bagi pelajar muslim semester 1 dan Pendidikan Islam 2 bagi pelajar muslim semester 2. Pada asasnya, penekanan kursus pendidikan Islam bagi PBK adalah sama seperti kursus Pendidikan Islam bagi pelajar Diploma di politeknik yang menekankan 3 asas utama dalam Islam iaitu aqidah, syariah dan akhlak (Kurikulum). Namun, ia mempunyai hasil pembelajaran yang berbeza mengikut kepada tahap keupayaan pelajar berkeperluan khas (pendengaran). Penggubalan silibus bagi kursus ini adalah mengikut kepada panduan JPPKK dan ianya telah mengalami beberapa penambahbaikan dari segi perubahan kod kursus, kandungan dan bentuk pentaksiran seiring dengan keperluan semasa sepertimana Jadual 1.

Jadual 1: Penambahbaikan kursus Pendidikan Islam 1 yang diambil oleh PBK di politeknik

Kod Kursus	Kuat kuasa silibus	Jumlah hasil pembelajaran	Pentaksiran
AK101 Pendidikan Islam 1	Jun 2011	5	Pembentangan, Praktikal, Kuiz Ujian, Portfolio
SUA1011 Pendidikan Islam 1	Jun 2015	3	Kuiz, Ujian Amali Pembentangan

Sehubungan dengan itu, hasil penambahbaikan kurikulum telah berlaku bertujuan untuk menghasilkan PBK yang lebih berkualiti pemahaman Islam mereka bersesuaian dengan kemampuan dan keupayaan mereka. Namun, pendekatan yang baik dalam pembelajaran dan pengajaran kursus ini adalah amat penting bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Oleh hal yang demikian, amalan pengajaran yang mencakupi kesediaan guru, penguasaan



pedagogi, penguasaan kurikulum dan penggunaan teknologi dapat membantu proses pembelajaran dan pembelajaran yang kreatif bagi guru pendidikan Islam PBK (Jawas & Zulkifli, 2022). Tambahan pula, pendekatan yang melibatkan peningkatan kemahiran komunikasi guru, penggunaan bahan bantu yang efektif serta latihan tubi yang pelbagai perlu diberi perhatian bagi memahami kehendak kurikulum PBK di politeknik.

3. Kompetensi guru dalam komunikasi berbahasa isyarat.

Peranan guru dalam memahami situasi PBK amat penting dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran. Dayang Kamaliah & Norshidah, (2020) menjelaskan bahawa tenaga pengajar Pendidikan Islam yang mengajar tanpa mengikuti sebarang latihan mahupun khusus yang berkaitan dengan PBK akan menghadapi masalah ketika mengajar untuk memahami perhatian murid terhadap pembelajaran. Perubahan pembelajaran daripada secara bersemuka ke dalam talian turut mendatangkan kesukaran dalam interaksi. Memandangkan generasi kini telah mengalami perubahan berbanding sebelum ini yang dilaksanakan secara bersemuka kepada dalam talian. Maka kegagalan proses pembelajaran oleh PBK (pendengaran) perlu diberi perhatian yang lebih berbanding pelajar normal. Sistem pembelajaran yang dibangunkan haruslah seiring dengan penerapan nilai-nilai Pendidikan Islam agar PBK dapat memahami dengan baik bukan sahaja ilmu duniawi malah ukhrawi.

Permasalahan yang berlaku dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam PBK (pendengaran) ialah pada awalnya mereka tidak diberi pendedahan khusus dalam komunikasi serta kurang diberi latihan khas berkaitan silibus pendidikan khas (Hj Nor & Rashed, 2018). Malah cabaran guru sebanyak 48.38% dinyatakan dalam kajian (Sabdan et al., 2020) juga ialah kurang kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan kurang berpengalaman dalam mengajar PBK. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman bersama dengan golongan ini sangat penting untuk memahami komunikasi dalam komuniti pekak ini. Malah Ab Rahman et al., (2021) berpandangan bahawa tahap kefahaman murid PBK untuk memahami arahan secara langsung adalah agak rumit maka, pensyarah perlu mewujudkan interaksi yang konsisten dengan mereka. Sehubungan itu, Dzulkifli et al., (2020) mencadangkan agar pelajar bermasalah pendengaran yang memakai alat bantuan pendengaran secara kerap supaya boleh bertutur dengan menggunakan alatan tersebut sebagai latihan komunikasi agar boleh memahami setiap arahan pembelajaran dengan baik.

Penggunaan Kod Tangan yang berbeza menyebabkan proses pembelajaran pelajar khas pendengaran tidak dapat memahami topik pembelajaran sebaiknya. Awang@Husain et al., (2012) mendapati bahawa kod tangan yang berbeza antara Kod KTBM dan BIM dimana bahasa isyarat rasmi di sekolah ialah Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) manakala penggunaan secara harian PBK ialah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Manakala, Hashim et al., (2019) menyatakan bahawa guru perlu bersedia untuk meningkatkan kemahiran diri mereka dari masa ke semasa dalam menguasai antara KTBM bersama BIM supaya pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih efektif terutamanya dalam bidang yang melibatkan pembacaan al-Quran dan juga perihal ibadah dan hukumnya. Hal ini kerana, penggunaan kod tangan yang tidak selari menyebabkan pelajar berkomunikasi dengan dalam kalangan mereka sahaja. Tambahan pula penggunaan istilah-istilah dalam Pendidikan Islam dengan kosa kata seperti hukum – hukum, rukun dan syarat perlu dijelaskan kedudukan sebenar istilah tersebut supaya tidak berlaku salah faham.



Pendekatan pembelajaran PBK memberi impak yang positif jika guru kompeten dalam menggunakan kepelbagaian bentuk komunikasi dan prihatin terhadap keperluan mereka. Malah, keberkesanan pendekatan pembelajaran PBK bergantung kepada sikap, penyesuaian bahan, motivasi dalam mengendalikan PBK, kepelbagaian input dan teknik pengajaran dan juga memperkasakan komunikasi menggunakan kod tangan untuk selari dengan situasi yang difahami pelajar. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ab Rahman et al., (2021) bahawa kod isyarat yang seragam amat penting bagi mengelakkan kekeliruan terutamanya istilah yang melibatkan ibadah serta perihal tilawah al-Quran juga yang memerlukan mereka memahami akidah.

Selain itu juga pembelajaran ibadah, akidah dan tilawah yang dilaksanakan samada secara bersemuka atau dalam talian akan memberi kesan jika pendekatan yang menggunakan orientasi tangan dan ekspresi muka yang menggambarkan emosi dan situasi yang perlu difahami. Hal ini bertepatan dengan Dzulkipli et al., (2020) menyatakan bahawa kaedah auditori verbal turut membantu pelajar untuk mendapatkan maklumat berdasarkan prinsip tertentu seperti terapi bersama ibu bapa, perkembangan bahasa semulajadi selain dari bacaan bibir. Komunikasi yang berkesan akan dapat dicapai dengan menggunakan pelbagai cara samada ejaan jari, tulisan, lukisan, gambar, video dan lain lain untuk menentukan objektif pembelajaran tercapai.

4. Kelengkapan bahan bantu mengajar yang sesuai secara visual dan pembangunan video.

Pengajaran dan pembelajaran memerlukan pemilihan kaedah, strategi, teknik untuk menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan bahan media untuk membantu pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan (Baharuddin et al., 2002). Bagi Pelajar Berkeperluan Khas (PBK) pendengaran, faktor ketidakupayaan mereka seperti tahap kecerdasan atau kognitif yang rendah dari sudut memori, berfikir dan ingatan jangka pendek (Mohad et. al. 2015, Seman et al. 2016) adalah antara kriteria yang perlu diambilkira oleh pensyarah dalam menghasilkan kelengkapan bahan bantu mengajar yang bersesuaian berbanding pelajar normal. Menurut Seman et.al (2016) lagi, jika pelajar normal boleh menghubungkaitkan sesuatu maklumat dalam pembelajaran dengan maklumat yang lain untuk lebih mudah faham dan ingat, golongan PBK pendengaran adalah sebaliknya. Kekangan pendengaran menyebabkan mereka sukar menghubungkaitkan maklumat yang diterima dengan objek lain yang menyebabkan ingatan hilang atau ingatan hanya berlaku untuk jangka pendek.

Bagi golongan kurang upaya pendengaran, penggunaan bahasa isyarat adalah keperluan paling asas untuk membantu mereka belajar. Keunikan bentuk atau simbol tangan banyak memberi makna untuk membentuk kosa kata terhadap sesuatu keadaan menjadikan bahasa isyarat sebagai bahasa ibunda bagi golongan ini kerana ia memudahkan komunikasi, cara untuk memberi pendapat dan idea, meluahkan rasa, perasaan dan sebagainya (Khamaruddin et al., 2020). Dalam konteks ini, bahasa isyarat dilihat berperanan sebagai bahasa visual yang membantu penyampaian sesuatu perkara supaya lebih bermakna dan difahami.

Berdasarkan arus dunia teknologi hari ini, penggunaan bahan bantu pengajaran dan pengajaran dalam bentuk 3V – Visual, Video, Virtual Simulation dengan medium komunikasinya adalah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) ataupun Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) adalah antara



pendekatan yang bersesuaian dibangunkan oleh pensyarah bagi PBK (pendengaran). Ini kerana bahan bantu pembelajaran dalam bentuk video dan visual yang dihasilkan akan membantu pelajar PBK pendengaran untuk mengulang tonton secara berulang kali kerana mereka merupakan golongan yang bergantung sepenuhnya dengan deria penglihatan. Secara tidak langsung ia dapat memberikan kesan atau meningkatkan ingatan yang lebih baik kepada pelajar serta mengukuhkan kefahaman terhadap topik yang perlu dilaksanakan secara praktikal.

Kaedah, pendekatan, aktiviti mahupun strategi bahan pembelajaran yang dipilih atau ingin dibangunkan mestilah mampu membantu peningkatan ingatan dan pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek dengan lebih baik termasuk bagi subjek Pendidikan Islam. Tenaga pengajar Pendidikan Islam PBK seperti yang dinyatakan (awas & Zulkifli,(2022) haruslah membangunkan modul BBM dengan mencipta bahan bantu mengajar (BBM) bagi mengatasi cabaran kekurangan BBM mengikut keadaan semasa bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Model dalam membangunkan bahan bantu sepertimana yang dijelaskan oleh Norakyairee & Nurul Thoilah (2017) mementingkan komponen asas kurikulum seperti keperluan pelajar, hasil pembelajaran, pengalaman dan situasi terkini dan kandungan yang memenuhi matlamat pendidikan. Tambahan pula disokong oleh Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, (2018) mencadangkan bahawa pelajar PBK perlu dipersiapkan dengan kehidupan bermasyarakat hasil dari pembangunan modul PBK yang efektif yang mampu mencapai objektif yang memberi kesan dengan perubahan tingkah laku dan pemahamannya dalam kehidupan beragama. Sehubungan itu, aktiviti pembelajaran bagi PBK untuk meningkatkan pemahaman perlu diatasi selain dari pembangunan BBM model berasaskan kurikulum namun perlu berkesan dalam kehidupan mereka.

5. Pengukuhan amali dan latih tubi berasaskan simulasi virtual.

Pelaksanaan amali dalam pembelajaran merupakan suatu aktiviti yang menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Hj Nor & Rashed, (2018) menyatakan peranan guru yang proaktif perlu diperkukuhkan melalui aktiviti latih tubi dan praktikal yang berpusatkan pelajar supaya boleh diukur dan dinilai tahap kefahaman tentang sesuatu topik. Malah latihan samada secara kognitif dan psikomotor seperti cara menyucikan najis, mengenali jenis-jenis air, cara berwuduk, amali solat secara pergerakan dengan memahami isyarat bacaan turut dilaksanakan sebagai praktis terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Namun demikian, penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang melibatkan psikomotor memerlukan pengukuhan dari bahan visual yang telah diperolehi oleh pelajar (Ab Rahman et al., 2021; Dzulkifli et al., 2020). Sehubungan dengan itu, didapati bahawa amali praktikal yang hendak dilaksanakan bukan sahaja tunjuk cara dari video atau secara langsung bersemuka tetapi perlu diulang- ulang untuk memahami istilah seperti syarat wajib, rukun dan sebagainya.

PBK pendengaran perlu mengetahui dan memahami situasi diri bahawa mereka ialah golongan mukallaf. Malah membangunkan potensi dari aspek spiritual seperti yang dijelaskan oleh Dzulkifli & Suhid, (2018) bahawa Pendidikan Islam bagi golongan OKU perlu diterapkan untuk menjadi orang yang beriman, berakhlak, bertanggungjawab dan mengamalkan seperti yang diajarkan oleh Islam. Oleh hal yang demikian, latihan yang bersifat pengulangan amat penting dalam memahami topik asas fardu ain. Malah, sifat pengulangan menurut Siti Patonah et.al (2014) dan Sabdan et al.,(2020), yang diistilahkan sebagai takrir juga amat dituntut dalam pembelajaran agama kerana ia akan melibatkan pemindahan ingatan jangka pendek terhadap



suatu perkara yang di pasak dalam pemikiran secara berulang kepada ingatan jangka panjang. Selain itu, latihan yang mengadaptasi persekitaran sebenar sepertimana yang dicadangkan oleh Omar et al., (2021) iaitu pelajar perlu bimbingan dengan melaksanakan tunjuk cara yang realistik bagi perkara asas yang kebiasaannya boleh dipelajari secara teori. Namun, tunjuk cara seperti rukun solat, berwuduk, adab - adab boleh dikendalikan bentuk praktikal yang kreatif agar lebih berkesan dalam memahami Pendidikan Islam. PBK pendengaran perlu untuk mengetahui dan memahami situasi diri bahawa mereka ialah golongan mukallaf yang perlu dibangunkan potensi dari aspek spiritual dan kerohanian. Oleh itu, kepentingan membangunkan simulasi praktikal yang lebih efisien boleh membantu PBK untuk mengukuhkan kefahaman agama secara amali.

Simulasi amali secara virtual turut menyumbang ke arah pelaksanaan praktikal dalam mengukuhkan pemahaman dalam Pendidikan Islam. Alsharbi et al., (2021) telah membangunkan sistem simulasi berasaskan pengukuhan pembelajaran al-Quran turut menyatakan bahawa implikasi penggunaan teknologi adalah sebagai medium melatih pembelajaran al-Quran yang perlu didukung dengan aplikasi yang dibangunkan berdasarkan keperluan yang bersesuaian terutamanya bagi mereka yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab apatah lagi bagi pelajar yang kurang upaya. Oleh itu, pembelajaran al-Quran berasaskan simulasi ini turut dicadangkan perlu memenuhi kriteria yang melibatkan tenaga pengajar yang autentik, cara memperbetulkan bacaan dan melatih samada secara individu atau berkumpulan, cara ibu bapa boleh memantau perkembangan serta pengiktirafan yang boleh meningkatkan motivasi dalam mempelajari al-Quran terhadap semua peringkat dan golongan. Malah, penggunaan simulasi secara virtual ini memerlukan modul kreatif yang bersifat membantu mereka menyelaraskan kefahaman pelajar berdasarkan latar belakang pelajar yang pelbagai serta tidak mempunyai asas agama dan keperluan yang bersesuaian samada faktor dalaman atau luaran (Suzana Harun et al., 2021)

Elemen kreatif amat diperlukan dalam pembangunan modul samada secara dalam talian atau bersemuka agar latih tubi yang diberikan tercapai objektif pembelajaran. Hal ini disokong oleh Jawas & Zulkifli, (2022) menyesuaikan pembelajaran dengan amalan pengajaran kreatif dan kritis perlu diasaskan dengan kemahiran merancang dan bersedia, memberi arahan, memberi bimbingan dan merangsang intelektual dan spiritual. Malah, Achmad Fiqhi et al., (2020) menjelaskan bahawa modul hijaiyah yang dibangunkan untuk PBK perlu memberikan beberapa langkah yang akan memudahkan mereka berinteraksi dengan orang normal iaitu mengenalpasti isyarat tangan bagi huruf hijaiyah dengan visual dan teks malah bunyi juga turut diketengahkan sebagai latihan amali dengan berbantuan alat pendengaran. Sehubungan dengan itu, elemen kreatif yang membawa kepada kefahaman ke arah objektif harus direkabentuk dengan perancangan yang baik serta berkesan dalam memudahkan interaksi PBK melalui kurikulum Pendidikan Islam.

Kurikulum Pendidikan Islam di politeknik boleh mengambilkira kecenderungan pelajar supaya dapat mempelbagaikan teknik pengajaran yang kreatif. Omar et al., (2021) turut menyatakan bahawa pelajar PBK perlu ditarik minat dengan bimbingan yang membantu memupuk keyakinan diri dan menghindari dari sikap negatif agar mereka terhadap aktiviti pembelajaran. Penggunaan kaedah Fakhir dibangunkan berasaskan warna dan nombor yang menunjukkan baris serta huruf membantu simulasi amali PBK memberangsangkan (Sabdan et al., 2020). Tambahan pula menurut Syar Meeze Mohd Rashid et al., (2015) dalam kajiannya



mencadangkan bahawa tajuk yang berkaitan dengan aqidah iaitu lafaz syahadah, kemudian perihal rukun iman dan rukun islam serta ibadah yang melibatkan bersuci, solat, puasa dan kewajipan menutup aurat merupakan tajuk asas yang boleh dibangunkan modul yang berbentuk simulasi agar mereka memahami cara hidup bersyariat dan mendekati diri dengan Allah. Tambahan pula kajian Karamah et al., (2019) telah menggariskan pelbagai kaedah bacaan al-Quran PBK seperti kiu, fakih, bahasa isyarat arab selain dari kaedah iqra' yang memerlukan pengasingan antara PBK yang boleh mengeluarkan suara dan tidak boleh. Pengukuhan amali PBK ini memerlukan kelebihan tenaga pengajar yang proaktif dalam membimbing PBK lebih lagi jika melaksanakan pembelajaran secara dalam talian.

6. Implikasi dan Cadangan

Pelaksanaan pembelajaran Pendidikan Islam PBK ini memerlukan implementasi secara sistematik dan konsisten. Hal ini kerana, berdasarkan penelitian sorotan kajian ini terdapat cadangan yang sepatutnya diberi perhatian bagi memenuhi pendekatan pembelajaran dan pengajaran PBK di politeknik iaitu :

- a. Melaksanakan kursus kompetensi dan kemahiran mempelajari serta berkomunikasi menggunakan BIM untuk Pendidikan Islam sebagai komunikasi utama.

Komunikasi menggunakan BIM selari dengan KTBM perlu diperhalusi. Kos kata PBK sentiasa berkembang dari masa ke semasa melalui pemerhatian dan kehidupan sosial mereka. Pelaksanaan kursus kompetensi dan kemahiran amat penting untuk menentukan kod tangan utama yang diguna pakai dalam pembelajaran. Pembangunan bahasa isyarat yang boleh diaplikasikan samada BIM atau KTBM amat perlu bagi meningkatkan kefahaman PBK berkaitan dengan istilah dalam Pendidikan Islam. Siti Ramna Khamaruddin et al., (2018) dalam kajiannya turut menjelaskan bahawa pembangunan BIM yang boleh meningkatkan kefahaman Ibadah sangat diperlukan bagi PBK. Hal ini kerana istilah yang melibatkan syarat sah ibadah, rukun, perkara sunat dan haram, perkara membatalkan dan hukum hukum lain turut perlu dijelaskan penggunaan kosa kata BIM. Ahmad Razuan et al., (2019) turut mengetengahkan Kursus Dakwah Tanpa Suara (KDTS) kepada sukarelawan masyarakat yang normal untuk menjalani latihan secara konsisten dengan pelbagai modul supaya dapat menarik minat golongan ini terhadap Islam. Malah, melazimi komunikasi dengan PBK amat penting untuk meningkatkan kosa kata supaya boleh dipraktikkan melalui Bahasa Isyarat Islam.

- b. Keperluan mereka bentuk pembelajaran dengan perisian yang mudah dalam pelaksanaan kurikulum serta meningkatkan peluang PBK untuk mempelajari agama dengan lebih baik dan berkesan.

Reka bentuk kurikulum PBK memerlukan reaksi dari pihak tenaga pengajar dan juga pelajar. Hasil pembelajaran perlu selari dengan kehendak silibus samada secara teori mahupun praktikal. Disebabkan tiada kelas agama tambahan selain silibus Pendidikan Islam yang digubal sahaja maka, penerapan nilai dan istilah yang digunapakai dalam silibus perlu dimurnikan dan diperhalusi. Ahmad Razuan et al., (2019) menjelaskan bahawa wujudnya perisian seperti i-Sign QurANIS yang mengetengahkan konsep ibadah dan elemen transliterasi makhraj melalui video yang interaktif. Hal ini



menunjukkan perkembangan kosa kata dalam memahami istilah agama perlu kepada pembangunan rekabentuk kurikulum yang bertepatan dengan PBK. Penghasilan BBM dan konsep latihan berasaskan 3V boleh diketengahkan dengan mereka bentuk berasaskan gambar dan visual yang jelas, ejaan jari dan gerak bibir yang konsisten dan komunikasi gerak badan dengan memek emosi yang dilaksanakan samada secara bersemuka atau simulasi virtual.

Pendekatan pembelajaran dan pengajaran PBK memberikan implikasi yang positif dengan kerjasama yang baik antara guru, ibu bapa dan pelajar. Pemantauan terhadap penglibatan semua pihak samada sekolah, penggubal, pelaksana dan komuniti perlu diberikan ruang dan peluang menambahbaik kurikulum agar pelajar PBK mampu memahami agama dan mengamalkan sebaiknya. PBK perlu diberikan tahap kefahaman dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai muslim walaupun mereka tidak seperti pelajar normal. Kurikulum Pendidikan Islam perlu diberi perhatian untuk pembangunan bahan yang interaktif, mesra pengguna, efektif dan fleksibel untuk dipraktis oleh PBK samada secara bersemuka atau dalam talian.

7. Kesimpulan

Perubahan pola pembelajaran samada dalam talian atau bersemuka tidak mengganggu perubahan PBK jika pendekatan yang digunakan bersesuaian dan bertepatan dengan objektif pembelajaran. Oleh itu, secara keseluruhannya didapati bahawa hala tuju Pendidikan Islam untuk PBK memerlukan usaha yang berterusan dalam meningkatkan kualiti dan membangunkan kompetensi guru terutamanya dalam mengaplikasikan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dengan menerapkan istilah agama yang tepat. Malah, penggunaan BBM dan alat bantuan pendengaran dan pembelajaran perlu dimanfaatkan dengan susunan modul yang sesuai dan kreatif melalui video dan visual. Justeru, praktis dalam perihal amali samada bacaan, perbuatan, pemerhatian turut diambil berat untuk mengukuhkan kefahaman topik. Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam Khas boleh dilaksanakan untuk memahami konteks pengajaran PBK (pendengaran) dengan lebih berkesan berasaskan elemen komunikasi, bahan bantu dan praktikal amali. Implikasi dari pendekatan pembelajaran Pendidikan Islam PBK yang baik boleh memberi ruang dan peluang kepelbagaian kurikulum untuk dipraktiskan selari dengan kehidupan beragama. Hal ini kerana, kerjasama antara komuniti PBK, ibu bapa, intitusi pengajian dan pihak penggubal untuk memastikan istilah asas Fardu Ain boleh dipantau pemahaman dan dilatih dalam kehidupan dengan baik.

Penghargaan

Sekalung penghargaan untuk sesi *Bengkel Penulisan Ulasan Artikel* yang mendorong pembentukan tema dalam kertas ini. Selain itu, pensyarah kursus Pendidikan Islam KKA yang membantu memahami topik yang dikaji untuk menstrukturkan ulasan dengan lebih baik.



Rujukan

- Ab Rahman, B., Hashim, A., & Ishak, H. (2021). the Medium of Communication Islamic Education Teachers in Al-Quran Recitation of Integrated Special Education Programme (Hearing Disability). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(38), 110–125. <https://doi.org/10.35631/ijepc.6380010>
- Achmad Fiqhi, I., Diana, R., & Wita, I. (2020). Hijaiyah Letters Sign Language Recognition for Deaf and Hearing Impaired Children Based on Principal Component Analysis Method. *Journal of Physics: Conference Series*, 1569(3). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1569/3/032077>
- Ahmad Razuan, S. R., Mohd Raus, N., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Mohamed Yusoff, A., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI). *Abqari Journal*, 20(2), 78–98. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.216>
- Alsharbi, B. M., Mubin, O., & Novoa, M. (2021). Quranic education and technology: Reinforcement learning system for non-native Arabic children. *Procedia Computer Science*, 184(2019), 306–313. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2021.04.007>
- Awang@Husain, M. H., Zakaria, H. B., & Abd Rahim, R. A. (2012). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran : Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 58, 135–139. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/213>
- Dayang Kamaliah, A. A., & Norshidah, M. S. (2020). Tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran murid Pendidikan Khas di Sarawak. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 5(November), 439–449.
- Dzulkifli, I. (2021). Teaching and Learning AIDS to Support the Deaf Students Studying Islamic Education. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(4), 2263–2279. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.09>
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.17>
- Dzulkifli, I., Suhid, A., Fakhrudin, F. M., & Ahmad, N. A. (2020). Communication challenges in teaching islamic education to pupils with hearing impairment. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 13–26. <https://doi.org/10.24035/IJIT.18.2020.177>
- Hashim, A., Rahman, B. A., & Ishak, H. (2019). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integriti (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 9(2), 1–11.
- Hj Nor, S. M., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(1), 1–8. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no1.10>



- Jawas, S. A., & Zulkifli, H. (2022). Amalan Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran [Creative Teaching Practices By Islamic Education Teachers for Students With Learning Disabilities]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 2022.
- Karamah, U., Alias, B., Ishak, H. Bin, & Mohamad, S. Bin. (2019). Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran Methodology of Qur ' an Recitation for Hearing-Impaired Person. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 59–67.
- Khamaruddin, S. R., Muhamad, N. A. F., Mohd Raus, N., Mohamed Yusoff, A., Hashim, M., Ja'afar, N., & Rasdi, M. N. A. (2020). Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat bagi Orang Pekak: [Evaluation of New Sign Language for Teaching and Learning of Prayers for Deaf People]. *ULUM ISLAMIYYAH-The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 32(1), 93–131. <https://doi.org/10.33102/uij.vol32no1.01>
- Loughran, S. (2013). Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A Postcolonial Approach. *Lux*, 2(1), 1–8. <https://doi.org/10.5642/lux.201301.19>
- Mahd Nor, N. I. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 64–76. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.92>
- Omar, N., Yaakob, R., Sulaiman, R., & Yuslizam Yakar, S. (2021). Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia. *Sains Insani 2021*, 6(3), 77–84.
- Sabdan, M. S. Bin, Alias, N., Yusof, M. Y. @ Z. M., & Jomhari, N. (2020). Keperluan Pembangunan Modul Pedagogi Surah Al-Fatihah Dan Tiga Qul Berasaskan Teknologi Untuk Pelajar Pekak Di Kolej Vokasional. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1)(April), 2013–2025.
- Safarina Ujang, & Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (j-QAF) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal ORTOPEDAGOGIA*, 4(1), 59–65.
- Siti Ramna Khamaruddin, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norakyairee Mohd Raus, Adnan Mohamed Yusoff, Mahyuddin Hashim, Noornajihan Jaafar, & Mohd Nur Adzam Rasdi. (2018). Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia Bagi Terminologi Ibadah. *International Journal For Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 4, 63–68.
- Suzana Harun, Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Kelas Inklusif: Fenomena Semasa Dan Keperluan Pembentukan Model. *Sains Insani*, 6(2). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.318>
- Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, & Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusof. (2015). Rekabentuk Isi Kandungan Kurikulum Bahasa Isyarat Malay. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 3(3), 20–31.